

Selasa, 7 April 2020 | 8:47pm

Tiada pertukaran KSU KPDNHEP

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Tiada pertukaran jawatan Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) berlaku di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) seperti dilaporkan beberapa portal berita.

Ketua Unit Komunikasi Korporatnya, Yunus Tasim, berkata Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad yang menjadi KSU sejak 3 Februari lalu masih menjawat jawatan itu.

"Beliau turut dilantik sebagai Pengerusi SSM (Suruhanjaya Syarikat Malaysia) berkuatkuasa mulai 1 April lalu hingga 31 Mac 2022.

"Perlantikan ini dibuat bagi menggantikan bekas pengerusi yang juga bekas KSU, Datuk Muez Abd Aziz yang bertukar ke Kementerian Pertahanan," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Katanya, jawatan Pengerusi SSM ini secara tradisinya disandang Ketua Setiausaha KPDNHEP memandangkan SSM adalah salah satu dari agensi yang bernaung di bawahnya.

Sebuah portal sebelum ini melaporkan seorang KSU yang terbabit dengan keputusan membenarkan sebuah kilang arak beroperasi dalam waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sudah ditukar.

Satu lagi portal hari ini melaporkan, Timbalan Menteri KPDNHEP didakwa mempertahankan Hasnol Zam ekoran isu tular itu.

Yunus berkata, pihaknya menegaskan terdapat kesilapan dalam laporan kedua-dua portal itu.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/674330/tiada-pertukaran-ksu-kpdnhep>